



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## PEMERKASAAN PENGLIBATAN ORANG AWAM DALAM PELAKSANAAN OPS TIRIS 3.0

**PORT DICKSON, 16 OGOS 2024** – Sungguhpun penyasaran subsidi diesel telah dilaksanakan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan terus meningkatkan ketangkasan penguatkuasaan untuk menangani isu ketirisan barang-barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi. Di bawah OPS TIRIS 3.0 yang bermula pada 1 Januari 2024, skop penguatkuasaan OPS TIRIS 3.0 adalah meliputi minyak diesel, petrol RON95, minyak masak bungkusan polibeg 1kg, gula putih bertapis (kasar dan halus), tepung gandum dan gas petroleum cecair (LPG).

Pelaksanaan OPS TIRIS 3.0 juga akan diperkasakan dengan melibatkan kerjasama orang awam khususnya melalui penyaluran aduan dan maklumat. Sebagaimana hari ini, melalui aduan orang awam, penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menyerbu sebuah premis tanpa nama di Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan yang disyaki menjadi stor haram tempat menyimpan dan mengedarkan LPG.

Hasil pemeriksaan ke atas premis tersebut, penguat kuasa telah menemui sejumlah 186 unit tong gas pelbagai jenama berkapasiti 14kg dan 50kg, alat timbang elektronik, paip getah penyambung yang dipercayai digunakan dalam aktiviti *decanting*. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM33,130.

Semakan lanjut juga mendapati premis tersebut tidak mempunyai dokumen yang sah untuk menjalankan urusan berkaitan barang kawalan. Kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini sedang dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] bagi mengenal pasti individu/syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti ini serta rantai pengedaran LPG tersebut.

Selain itu, syarikat tersebut juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613]. Siasatan akan melibatkan aspek kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan,

membeku, menyita dan perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan gas petroleum cecair.

Di bawah Akta 122, bagi orang perseorangan yang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1,000,000.00 manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3,000,000.00 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi syarikat, sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000,000.00 manakala bagi kesalahan berikutnya denda tidak melebihi RM5,000,000.00.

Bagi Akta 613 pula, individu atau syarikat yang disabitkan kesalahan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.

Melalui penguatkuasaan di bawah OPS TIRIS 3.0, bagi tempoh bermula 1 Januari 2024 hingga 16 Ogos 2024, sebanyak 27,971 pemeriksaan telah dilaksanakan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,900 kes dengan jumlah nilai rampasan keseluruhan sebanyak RM74.85 juta telah direkodkan. Seramai 469 individu juga telah ditahan dalam tempoh tersebut.

Daripada 1900 kes yang dicatatkan di bawah OPS TIRIS 3.0, sebanyak 127 kes melibatkan LPG telah direkodkan di seluruh negara dengan nilai rampasan berjumlah RM748,549.40.

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

**###**